

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENERIMA BANTUAN KEBAJIKAN DUN BUKIT GASING**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan statistik bilangan orang penerima setiap jenis bantuan kebajikan (JKM) di DUN Bukit Gasing.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS) telah menyalurkan bantuan kebajikan berbentuk Bantuan Kewangan kepada golongan sasar yang berkeperluan dan menepati syarat kelayakan di kalangan keluarga miskin, Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas. Terdapat dua (2) jenis sumber bantuan iaitu Skim Bantuan Persekutuan dan Skim Bantuan Negeri (Bantuan Am).

JKMNS telah membelanjakan peruntukan bagi Skim Bantuan Persekutuan sebanyak RM12,191,550.00 dengan memberi manfaat kepada 36,884 penerima bantuan secara bulanan manakala bagi Skim Bantuan Negeri (Bantuan Am) peruntukan bulanan telah dibelanjakan sebanyak RM1,286,650.00 dengan penerima manfaat seramai 4,818 orang sebulan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Skim Bantuan Persekutuan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Gasing adalah seramai 200 orang penerima dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM68,800.00 sebulan. Bagi Skim Bantuan Negeri (Bantuan Am) di DUN Bukit Gasing adalah seramai 10 orang dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2,600.00 sebulan.

**Jadual 1: Statistik Bulanan Penerima Bantuan DUN Bukit Gasing  
bagi Bulan Jun 2020**

<b>Skim Bantuan</b>	<b>Jenis Bantuan</b>	<b>Kadar sebulan (RM)</b>	<b>Bilangan Penerima (orang)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan (RM)</b>
Bantuan Persekutuan	Bantuan Kanak-Kanak	RM100 – RM450	4 (1 x RM200 3 x RM450)	RM1,550.00

<b>Skim Bantuan</b>	<b>Jenis Bantuan</b>	<b>Kadar sebulan (RM)</b>	<b>Bilangan Penerima (orang)</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan (RM)</b>
Bantuan Persekutuan	Bantuan Orang Tua	RM350	75	RM26,250.00
Bantuan Persekutuan	Elaun Pekerja Cacat	RM400	69	RM27,600.00
Bantuan Persekutuan	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	RM250	48	RM12,000.00
Bantuan Persekutuan	Bantuan Penjagaan Pesakit/OKU Terlantar	RM350	4	RM1,400.00
Bantuan Negeri	Bantuan Am	RM250-RM350	10 (9 x RM250 1 x RM350)	RM2,600.00
<b>JUMLAH</b>			<b>210</b>	<b>RM71,400.00</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor Tahun 2020

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KUALITI AIR SUNGAI**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan senarai sungai di Negeri Selangor bersama dengan tahap kualiti air sungai tersebut.
- b) Sila senaraikan sungai yang sedang diberi tumpuan untuk menambahbaik kualiti air sungai.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : LANTIKAN AHLI PENGARAH WANITA UNTUK SYARIKAT MLIK  
KERAJAAN NEGERI**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan bagi setiap Syarikat dan Anak Syarikat Milik Kerajaan Negeri bilangan ahli lembaga pengarah dan bilangan ahli lembaga pengarah wanita.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sasaran minima 30% ahli lembaga syarikat wanita?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA FLAT PKNS SEKSYEN 17 PETALING JAYA**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini rancangan Pembangunan Semula Flat PKNS Seksyen 17 Petaling Jaya oleh PKNS?
- b) Bilakah penjanjian antara syarikat PKNS dan rakan swasta akan luput?

**JAWAPAN:**

- a) Proses perancangan pembangunan dan pelaksanaan pembangunan semula tersebut sebelum ini dicadang diadakan melalui kerjasama di antara PKNS dan rakan pemaju swasta.

Selain dari penyediaan laporan kajian fesibiliti awal, beberapa sesi perjumpaan dan perbincangan bersama pemilik-pemilik unit flat terbabit telah diadakan semenjak 2010 bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan terhadap cadangan untuk pembangunan semula flat tersebut yang dibina PKNS sekitar awal tahun 1970-an.

Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak diteruskan berdasarkan kekangan dari aspek politik dan ekonomi ketika itu.

- b) Tiada sebarang perjanjian yang dimuktamadkan di antara PKNS dan rakan pemaju swasta tersebut sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PULANGAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI DALAM SEMUA ANAK SYARIKAT**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila butirkan semua pelaburan kerajaan negeri selangor dalam syarikat dan anak syarikat kerajaan.
- b) Sila butirkan pulangan semua pelaburan kerajaan negeri selangor dalam syarikat dan anak syarikat kerajaan sejak pelaburan sehingga sekarang.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASALAH PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN KEKAL KUALA LANGAT UTARA**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status cadangan pemansuhan status hutan simpan kekal ke atas 930 hektar tanah di Kuala Langat Utara?
- b) Apakah pihak pembangunan tanah menerima permohonan baru dari pemaju projek yang sebelum ini telahpun ditolak oleh EIA kerana menjelaskan alam semulajadi?

**JAWAPAN:**

- a) Merujuk kepada Kaedah-kaedah Penyiasatan Awam (Selangor) 2014, proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara masih berada di peringkat awal di mana bantahan-bantahan awam secara bertulis yang telah diterima oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selama tempoh 30 hari bermula 05 Februari 2020 telah dianalisis pada 12 – 13 Mac 2020. Seterusnya, satu sesi pendengaran awam (*Town Hall Session*) akan diadakan bagi tujuan mendapatkan bantahan secara lisan mengenai cadangan penyahwartaan hutan simpan tersebut.

Sepanjang proses penyahwartaan ini, segala bantahan akan diteliti dan diperhalusi oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awam yang dipengerusikan oleh Pengurus Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna terlebih dahulu. Seterusnya, satu Kertas Kerja akan diangkat untuk pertimbangan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

- b) MPKL tiada menerima sebarang permohonan untuk cadangan pembangunan dan ulasan bagi Laporan Penilaian Alam Sekeliling (EIA) di atas Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH  
PWB**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah peruntukan PWB dihadkan sebahagian kepada "Capacity Program" semata-mata?
- b) Apakah perancangan supaya lebih agihan peruntukan kepada program komuniti dapat yang kini hanya berbaki sekitar RM20k setahun berbanding RM30k sebelum ini?
- c) Adakah perancangan untuk kembalikan program mamogram di bawah pengurusan PWB?

**JAWAPAN:**

- a) Bermula tahun 2019, sebahagian peruntukan Pusat Wanita Berdaya (PWB) telah diperuntukkan kepada Program Pembinaan Kapasiti kerana bilangan pelaksanaan Program Pembinaan Kapasiti di komuniti DUN kurang memuaskan iaitu daripada sejumlah 1,318 program dilaksanakan di 56 DUN, sebanyak 399 Program Pembinaan Kapasiti sahaja dilaksanakan berbanding 919 Program Kemahiran. Selain itu, taburan pelaksanaan program Pembinaan Kapasiti di 56 DUN juga tidak seimbang.

Matlamat utama Program Pembinaan Kapasiti ini dianjurkan adalah untuk memberdaya wanita di komuniti dari aspek pembinaan jati diri, kefahaman undang-undang, pengarusperdanaan gender, tata kelola baik, kesihatan wanita dan keluarga, pengurusan kewangan dan lain-lain. Bertepatan dengan tema Hari Wanita iaitu 'Seimbang Untuk Sejahtera' dan 'Setara Untuk Semua', maka program-program anjuran Pusat Wanita Berdaya Selangor juga mestilah seimbang di antara dua (2) jenis modul iaitu Modul Kemahiran dan Modul Pembinaan Kapasiti.

- b) Merujuk jawapan kepada soalan (a), peruntukan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap DUN adalah sejumlah RM40,000.00 untuk pelaksanaan dua (2) jenis modul iaitu Modul Kemahiran dan Modul Pembinaan Kapasiti. PWB DUN berhak untuk menentukan jenis program yang ingin dilaksanakan, namun mestilah berpandukan

kepada modul yang disediakan dan membelanjakan peruntukan yang diberikan secara berhemah.

- c) Program Mammogram adalah program yang dikendalikan oleh Yayasan Anak Warisan Selangor (YAWAS) dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN. Walau bagaimanapun, Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN akan membantu dalam aspek promosi dan mendapatkan para peserta melalui program-program yang dianjurkan oleh Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Memandangkan program Mammogram ini mempunyai peruntukan tersendiri yang disediakan oleh Kerajaan Negeri secara tahunan dan pelaksanaannya turut dibantu oleh Pusat Khidmat DUN, maka tiada keperluan untuk menggunapakai peruntukan Pusat Wanita Berdaya (PWB) sedia ada di DUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ketika Selangor mendepani COVID-19, dalam tempoh yang sama berapakah bilangan kematian bagi pesakit penyakit berjangkit berikut:
- (i) Denggi
  - (ii) Leptospirosis
  - (iii) HIV/AIDS
  - (iv) Tuberkulosis.

Adakah penyakit-penyakit berjangkit di atas boleh menjadi pembunuhan seiring dengan COVID-19? Apakah persediaan Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penyakit demam Denggi yang didaftarkan pada tahun ini sehingga bulan Jun adalah sebanyak 30,131 dengan 29 kematian. Ini menunjukkan penurunan kes sebanyak 15% dan kematian 3% berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Bagi penyakit Leptospirosis, sebanyak 38% penurunan kes dilaporkan, namun pada tempoh yang sama kes kematian telah meningkat sebanyak 50%.

Bagi kes HIV/ AIDS sebanyak 18% penurunan kes didaftar dan penurunan 1.2% kematian sehingga Jun 2020.

Bagi kes TB, terdapat sebanyak 1.4% peningkatan kes dan peningkatan 24% kematian berbandingan tempoh semasa tahun lalu (sehingga Jun 2020).

Jadual 1. Perbandingan Bilangan Kes dan Mengikut Penyakit Tahun 2020 dan 2019. [Sehingga Jun 2020 (ME 26/2020) dan Jun 2019 ( ME 26/2019)]

Bil	Penyakit	2020		2019	
		Jumlah Kes	Bil Kematian Yang Telah Disahkan	Jumlah Kes	Bil Kematian Yang Telah Disahkan
1.	Denggi	30,131	29	35, 544	30
2.	Leptospirosis	188	2	302	1
3.	HIV/ AIDS	618	82	755	83
4.	Tuberkulosis	2250	21	2220	17

Ya, penyakit berjangkit seperti di atas mempunyai risiko kematian yang berbeza-beza mengikut pendedahan terhadap virus atau bakteria penyebab penyakit

Persediaan Selangor:

1. Pemantauan penyakit di peringkat negeri dan daerah melalui sistem pelaporan e notifikasi.
2. Menjalankan ujian saringan awal penyakit berkenaan di pelbagai peringkat fasiliti kesihatan bagi pengesanan awal dan seterusnya rawatan bagi mengelakkan komplikasi dan kematian.
3. Menjalankan pengesanan kontak bagi kes positif TB dan HIV/ AIDS.
4. Mengukuhkan kompetensi “frontliners” melalui latihan/taklimat secara berterusan terutama bagi mengenalpasti gejala penyakit berkenaan dan memberi rawatan yang optima kepada pesakit.

Kerajaan Negeri memberi insentif sebanyak RM800.00 kepada setiap pesakit TB bagi membantu memudahkan pesakit mendapatkan rawatan yang lengkap di Klinik Kesihatan atau Hospital.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kesan PKP COVID-19 ke atas aktiviti masjid terutama Ramadan membawa impak kepada:
- (i) Kesejahteraan beribadat dan kerohanian
  - (ii) Peningkatan ilmu, kefahaman dan penghayatan Islam
  - (iii) Kerukunan hidup kejiranan dan ukhuwwah
  - (iv) Pemantapan sosial dan kebajikan
- Apakah program-program pengislahan yang akan dilaksanakan dalam masa tersingkat?

**JAWAPAN:**

- a) Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan, pelaksanaan pengimaranan masjid yang meliputi kerohanian, sosial dan kebajikan sangat terhad untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, program-program kerohanian seperti ceramah/ kuliah tetap dilaksanakan namun dibuat secara *online* di media sosial seperti *facebook*. Masjid Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri Selangor) telah menjadi platform utama pihak kerajaan negeri dalam menyampaikan dakwah-dakwah Islam khusus aktiviti ceramah. Program Rakyat Selangor Berdoa dan Tadarus Al-Quran juga telah dibuat secara langsung di *facebook* masjid negeri pada setiap hari di bulan Ramadan.

Masjid-masjid di seluruh Negeri Selangor juga telah melaksanakan Program Rakyat Selangor Berdoa dan Zikir Munajat sepanjang tempoh PKP. Pelaksanaannya telah dibuat secara berkala dan langsung (*live*) di media sosial masjid serta ahli kariah masjid telah digalakkan untuk turut sama mengikuti program tersebut secara langsung.

Selain itu, program *Corporate Social Responsibility* (CSR) atau kebajikan juga telah dibuat di masjid-masjid bagi membantu ahli kariah yang terputus bekalan keperluan harian sepanjang tempoh PKP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PARAS GARIS KEMISKINAN**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor pernah menetapkan gaji minimum RM1,500 seisi keluarga sebulan. Ini menjadikan 30% rakyat Selangor di bawah paras garis kemiskinan. Apakah angka ini masih menjadi ukuran yang digunakan? Jika tidak kenapa ukuran ini gagal?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan, keadaan sosio ekonomi serta menganjak paradigma masyarakat untuk berhijrah keluar daripada kitaran kemiskinan.

Berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 40/2016 bertarikh 7 Disember 2016, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor dikekalkan pada paras/ angka RM1,500.00 seisi rumah dan digunakan oleh semua Jabatan/ Agensi di Negeri Selangor yang menyelaras dan melaksanakan program bantuan.

Namun begitu, PGK tersebut dilihat kurang realistik memandangkan tahap perkembangan ekonomi Negeri Selangor yang jauh kehadapan berbanding negeri lain. Oleh yang demikian, satu Kajian Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor telah dibentangkan oleh Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Antara hasil dapatan kajian tersebut adalah median pendapatan bulanan isi rumah adalah RM3,300.00. Penyelidik UNISEL dan UTAR telah memilih pengiraan 60% median pendapatan bulanan isi rumah sebagai penentu utama PGK Selangor. Hasil 60% median pendapatan isi rumah Selangor merupakan adaptasi kaedah pengiraan PGK dari negara maju dan ianya selari dengan perkembangan ekonomi Selangor. Oleh itu, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Selangor yang disyorkan adalah berjumlah RM1,980.00 dan individu yang berada di bawah PGK adalah diklasifikasikan sebagai miskin.

Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, Kerajaan Negeri masih lagi meneliti, mempertimbangkan dan mengkaji semula hasil dapatan kajian ini secara mikro dari pelbagai aspek termasuk kewangan, ekonomi, sosial dan politik bagi memastikan hasil kajian yang diperolehi adalah benar-benar menyeluruh, komprehensif, realistik dan bersesuaian untuk digunakan di Negeri Selangor serta akhirnya dapat memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasar yang benar-benar memerlukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN SARAAN WAJIB**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor sepatutnya menerajui usaha memberdaya kebajikan rakyat dengan membayar elaun saraan wajib sebanyak RM1,500 sebulan.
- (a) Kerajaan Persekutuan : RM300.00  
(b) Kerajaan Negeri : RM200.00  
(c) GLC Persekutuan : RM450.00  
(d) GLC Negeri : RM350.00  
(e) Zakat Negeri : RM200.00
- Jumlah : RM1,500.00. Bolehkah cadangan ini dilaksana? Jika tidak apakah penghalangnya?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : GARIS PARAS BAHAGIA - GEMBIRA**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor ditakrifkan sebagai pendapatan yang mencukupi untuk memberi kegembiraan dan kebahagiaan kepada rakyat. Sejauh manakah Kerajaan menjadikan World Happiness Index sebagai memberi pencerahan tentang hala tuju dalam meningkatkan harta dan kekayaan material rakyat Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Saban tahun menyaksikan Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan pelbagai inisiatif baru yang memberi manfaat berterusan kepada rakyat terutamanya dalam meningkatkan taraf hidup rakyat yang masih berada di dalam kitaran kemiskinan. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan satu Kajian Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor yang telah dibentangkan oleh Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada tahun Jun 2016.

Antara hasil dapatan kajian tersebut adalah median pendapatan bulanan isi rumah adalah RM3,300.00. Penyelidik UNISEL dan UTAR telah memilih pengiraan 60% median pendapatan bulanan isi rumah sebagai penentu utama PGK Selangor. Hasil 60% median pendapatan isi rumah Selangor merupakan adaptasi kaedah pengiraan PGK dari negara maju dan ianya selari dengan perkembangan ekonomi Selangor. Oleh itu, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Selangor yang disyorkan melalui kajian ini adalah berjumlah RM1,980.00 dan individu yang berada di bawah PGK adalah diklasifikasikan sebagai miskin.

Namun yang demikian, berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 40/2016 bertarikh 7 Disember 2016, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor masih dikekalkan pada angka RM1,500.00 seisi rumah dan digunakan oleh semua Jabatan/ Agensi di Negeri Selangor yang menyelaras dan melaksanakan program bantuan.

Berdasarkan senario ekonomi masa kini, angka RM1,500.00 kini tidak lagi relevan untuk digunakan. Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengkaji, mengambil maklum dan menyambut baik segala kajian dan laporan yang dijalankan oleh pelbagai pihak seperti Laporan Kebahagiaan Dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Staistik Pendapatan Garis Kemiskinan Perkapita oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi menentukan paras PGK yang baharu dan memenuhi keperluan pasaran dan ekonomi Negeri Selangor yang dinamik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : KONSEP PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor ditakrifkan sebagai pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan minimum mengekalkan ahli-ahli isi rumah dalam memiliki kualiti hidup yang baik. Sejauh mana konsep ini telah diselaraskan dengan perancangan Kerajaan untuk menjadikan Selangor smart state dan rumah mampu milik?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki atau menyewa rumah terutamanya kumpulan dalam kategori Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) agar dapat menikmati kehidupan yang selesa dan baik. Terdapat dua (2) kaedah atau pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sama ada melalui **pembelian atau sewaan unit**.

Kaedah pertama adalah melalui **pembelian unit** melibatkan **Skim Rumah Selangorku, Skim Dana Sel, Skim Sewa Beli (Rent To Own) dan Skim Pembentangan ‘Smart Selangor First Home Buyers’** adalah seperti berikut:

**(i) Skim Rumah Selangorku**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah melaksanakan penawaran Rumah Selangorku kepada orang awam kepada golongan berpendapatan atau kategori B40 terutamanya projek Rumah Selangorku Jenis A dan Jenis B berharga RM42,000.00 seunit dan RM 100,000.00 seunit.

**(ii) Skim Dana Sel**

Bagi kes golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank, Kerajaan Negeri telah menyediakan **Skim Pembentangan Perumahan Selangorku (Dana-Sel)** yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A. Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) menguruskan skim ini melalui kaedah pembentangan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang bagi

membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang telah dipersetujui dengan mematuhi semua terma-terma Perjanjian Penyewaan dan Pemilikan.

Skim ini akan dipertimbangkan untuk diperluaskan lagi pada masa akan datang agar ianya dapat membantu lebih ramai golongan B40 untuk memiliki kediaman.

**(iii) Skim Sewa Beli (*Rent To Own*)**

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan cadangan berkerjasama beberapa pihak bank bagi mewujudkan satu skim sewa beli atau dikenali juga sebagai '*Rent To Own*' khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah dibawah RM10,000.00 sebulan untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku.

Sehubungan dengan itu, perkara ini dalam proses rundingan dan perbincangan lanjut oleh Kerajaan Negeri bersama dengan pihak bank berkaitan sebelum kertas pertimbangan diangkat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

**(iv) Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*'**

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Skim Pembiayaan '*Smart Selangor First Home Buyers*' yang bertujuan memberikan pembiayaan wang pendahuluan (deposit) kepada golongan B40 dan M40 sebanyak 10% ke atas pembelian Rumah Selangorku khususnya pembangunan yang dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan projek anak syarikat PKNS sahaja. Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan peruntukan sejumlah RM15 juta untuk skim ini yang akan diuruskan oleh PKNS.

Manakala kaedah kedua adalah **sewaan** melibatkan **Skim Smart Sewa dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)** adalah seperti berikut ;

**(i) Skim Smart Sewa**

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan matlamat utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang

berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun.

Penyewa akan mendapat **pulangan semula 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar** apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh 2 tahun hingga 5 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan **memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada** sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan

**Pembelian sebanyak 799 unit** rumah mampu milik telah dilaksanakan di bawah Skim Smart Sewa oleh LPHS di mana **Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB)** dilantik sebagai agen **pengurusan** bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Sehingga kini, 562 unit rumah telah disewakan dengan kadar sewaan bermula daripada RM450.00 sebulan sehingga RM900.00 sebulan. Manakala sebanyak 117 unit telah siap dan telah dibuat / sedang dalam proses penyerahan unit kepada LPHS manakala baki sebanyak 120 unit masih lagi dalam pembinaan di tapak.

**(ii) Skim Projek Perumahan Rakyat (PPR)**

Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan Skim Perumahan untuk disewakan sahaja kepada mereka yang berpendapatan seisi keluarga kurang dari RM3,000.00 sebulan. Kadar sewaan yang dikenakan kepada penyewa pada harga sewaan RM 124.00 sehingga RM250.00 sebulan berbanding kadar sewaan pasaran semasa sekitar RM400.00 sehingga RM650.00 sebulan. Secara langsung, ianya membantu golongan ini untuk mendapat manfaat daripada kadar sewaan yang rendah dan lebih pendapatan mereka boleh digunakan sebagai simpanan sehingga mereka berkemampuan untuk tujuan pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang.

Berikut adalah **Projek Perumahan Rakyat (PPR)** yang ditawarkan kepada orang awam seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>LOKASI</b>	<b>BIL. UNIT</b>	<b>BIL PENGHUNI</b>	<b>BAKI UNIT KOSONG</b>	<b>PENGENDALI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
1.	PPR Hicom	980	980	0	LPHS	PHSSB
2.	PPR Serendah	300	125	175	LPHS	PHSSB
3.	PPR Kota Damansara	1,152	1152	0	MBPJ	PHSSB
<b>JUMLAH</b>		<b>2,432</b>	<b>2,257</b>	<b>175</b>		

Di samping program sewaan, Kerajaan Negeri melalui LPHS juga bekerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam mewar-warkan modul pendidikan berkaitan perumahan di atas talian AKPK iaitu *RUMAHKU* untuk keperluan orang awam. Secara langsung, ianya membantu bakal pembeli rumah terutamanya dibawah kategori Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) untuk mendapatkan panduan dan maklumat yang berguna tentang pemilikan rumah sebelum pembelian dibuat.

AKPK juga membantu mereka yang menghadapi masalah kegagalan mendapatkan pinjaman perumahan dengan melayari laman sesawang AKPK di bawah MyKNP bagi mengenalpasti punca dan masalah kegagalan pemohon mendapatkan pinjaman perumahan. Daripada itu, AKPK akan memberikan bantuan secara percuma dari segi penstrukturkan semula pembiayaan/ pinjaman pemohon sedia ada ke arah pengurusan kewangan yang lebih bijak dan stabil. Akhirnya, ianya dapat membantu pemohon untuk mendapatkan pembiayaan perumahan pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PARAS GARIS KEMISKINAN MAKANAN**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PGK Makanan mentakrifkan keperluan harian kalori setiap individu mengambil kira makanan seimbang dan berkhasiat. Selangor sebagai negeri maju dan menuju smart state, apakah PGK Makanan yang telah dicapai?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PARAS GARIS KEMISKINAN BUKAN MAKANAN**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PGK Bukan Makanan terdiri daripada pakaian, perumahan, pengangkutan dan perbelanjaan lain adalah dikira berdasarkan kepada penyiasatan perbelanjaan isi rumah. Selangor sebagai negeri maju dan menuju smart state, apakah PGK Bukan Makanan yang dicapai?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : PENGANGGURAN**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah bilangan pekerja yang diberhentikan kerja di Selangor mengikut sektor akibat daripada kemunculan ekonomi disebabkan wabak Covid-19?
- Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan tenaga kerja ini dapat dimanfaatkan di sektor lain?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja, bilangan pekerja di Selangor yang terlibat mengikut sektor adalah seperti berikut:-

<b>SEKTOR</b>	<b>PEKERJA TERLIBAT</b>
Aktiviti harta tanah	120
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	222
Aktiviti kewangan dan insuran/takaful	83
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	948
Aktiviti perkhidmatan lain	66
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	391
Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	142
Bekalan Elektrik, gas, wap dan pendingin udara	19
Kesenian, hiburan dan rekreasi	146
Maklumat dan komunikasi	414
Pembinaan	76
Pembuatan	1621
Pendidikan	37

<b>SEKTOR</b>	<b>PEKERJA TERLIBAT</b>
Pengangkutan dan Penyimpanan	104
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	636
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	320
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	522
Perlombongan dan Pengkuarian	160
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	69
<b>JUMLAH</b>	<b>6,096</b>

- b) JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja sentiasa mengadakan aktiviti perkhidmatan pekerjaan dalam membantu rakyat Malaysia mendapatkan pekerjaan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah program temuduga terbuka. Sebanyak 27 program temuduga terbuka telah diadakan pada bulan Januari, Februari dan Jun 2020. Sebanyak 441 penawaran kerja telah berjaya diberikan kepada pencari kerja sepanjang program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Skim Peduli Sihat yang dirizabkan untuk manfaat para staf yang berkhidmat di Pusat Khidmat Masyarakat ADN Selangor, Ketua Kampung dan penyelia PWB akan diberikan kepada mereka untuk dinikmati?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai nama bagi ketua kampung tradisi, ketua kampung baru cina, ketua komuniti india, kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN, penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan kakitangan pejabat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri telah disaring dan polisi telah diaktifkan bermula 6 Julai 2020.

Unit Perancang Ekonomi (UPEN) melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) akan memaklumkan secara bertulis kepada pihak yang terlibat dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)**

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sistem pendaftaran Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) masih beroperasi secara manual. Bilakah sistem ini akan ditukar kepada pendaftaran atas talian agar maklumat dapat dikemaskini secara sistematik oleh staf Pusat Khidmat Masyarakat ADN Selangor dan SELGATE?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Selcare Management Sdn Bhd selaku pengendali Program KISS pada masa ini sedang dalam proses meningkatkan tahap capaian untuk permohonan Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) secara dalam talian (*online*). Sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli Yang Berhormat, permohonan dalam talian ini akan memudahkan pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa proses permohonan, pengemaskinian maklumat dan ianya adalah lebih sistematik serta mudah dicapai apabila diperlukan pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KEROSAKAN JALAN PERSIARAN HAMZAH ALANG DAN JALAN KAPAR**

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pihak JKR Selangor akan mula membaiki jalan Persiaran Hamzah Alang dari Meru-Kapar dan Jalan Kapar dari Pekan Kapar-Klang yang kini telah rosak teruk?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi kerja penyelenggaraan, pihak JKR Selangor telah mengemukakan permohonan peruntukan kerja berkala pavemen berjumlah RM4.9 Juta kepada pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) di Seksyen 0.60 hingga Seksyen 1.80, Seksyen 5.20 hingga Seksyen 5.40, dan Seksyen 5.40 hingga Seksyen 10.90 iaitu lokasi jalan yang mengalami kerosakan teruk di FT3217. Secara dasarnya pihak KKR telah bersetuju untuk meluluskan permohonan peruntukan tersebut.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan secara rutin di bawah pihak konsesi jalan masih dijalankan seperti contoh; penampalan *pothole*, pemotongan rumput dan penyelenggaran bahu jalan dan pembersihan longkang.

Bagi program jangka panjang, jalan ini telah dimohon untuk dinaiktaraf di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISTEM SAMPAH DI MERU**

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Bilakah isu kekurangan tong sampah di DUN Meru akan dapat diatasi oleh PBT?
- Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan semula sistem buang sampah pandu lalu seperti yang pernah diperlakukan di Meru tahun 2000-an?

**JAWAPAN:**

- Majlis Perbandaran Klang dalam tindakan menguruskan proses tender tong komunal/ *leach bin* 1500L. Jangkaan penggantian tong di lokasi-lokasi akan bermula pada bulan November 2020 dengan anggaran sebanyak 300 unit diperlukan untuk kawasan DUN Meru. Sekiranya setelah 300 unit tong tersebut dibekalkan di DUN Meru masih lagi terdapat kekurangan tong sampah, MPK akan membuat perancangan dari masa ke semasa.
- Setakat ini Majlis Perbandaran Klang tidak melaksanakan semula sistem buang sampah pandu lalu. Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Klang bersedia untuk mengkaji sistem pandu lalu seperti yang dicadangkan.